

31/08/1997

Spekulasi: Amaran kerajaan wajar

KUALA LUMPUR: Amaran kerajaan untuk menarik balik lesen dan menggantung operasi institusi kewangan yang terbabit membantu spekulator dengan meminjamkan skrip saham untuk memanipulasi harga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) disifatkan sebagai wajar dan adil.

Kalangan di institusi kewangan juga yakin tindakan itu dapat mengukuhkan kembali harga saham di BSKL yang susut disebabkan perbuatan mengaut untung atas angin melalui jualan singkat.

Pengurus Besar Perbankan Domestik Perwira Affin Bank, Mohamad Aslam Khan, berkata langkah itu tepat bagi memulihkan pasaran modal tempatan yang terjejas disebabkan tindakan manipulasi pihak tertentu.

Sambil memberi jaminan bank itu tidak terbabit dengan perbuatan berkenaan, beliau berkata, pihaknya menyokong ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu itu kerana tindakan institusi kewangan terbabit ternyata menjejaskan pasaran saham.

"Tujuan sebenar jaminan skrip saham adalah untuk menjaga kedudukan pelabur dan bukannya untuk mengaut untung di atas angin melalui jualan singkat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap institusi kewangan yang masih terus membantu spekulator asing dengan meminjamkan skrip saham untuk memanipulasi harga di BSKL.

(END)